

Kempen Antiperang Global

Amerika patut sedia dikutuk

Dr Mahathir mahu masyarakat dunia perjuangkan keamanan

Oleh Manja Ismail

KUALA LUMPUR: Dunia memerlukan satu kempen anti-perang secara besar-besaran walaupun ia dilihat sebagai suatu kecaman terhadap Amerika Syarikat, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri yang juga Presiden Yayasan Kepimpinan Perdana berkata, kempen seumpama itu perlu bagi melahirkan semangat dan kesungguhan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dunia mengenai kesan buruk peperangan.

Sehubungan itu, katanya, Perdana Global Peace Forum 2005 (PGPF 2005) yang dianjurkan yayasan itu pada 15 Disember depan akan menengahkan isu mengenai kekejaman ketika perang selain menggerakkan semangat cintakan keamanan di peringkat global.

"Bagaimanapun kita tidak boleh mengelak daripada dilihat sebagai mengecam Amerika. Tetapi itu tidak

dapat dielakkan kerana Amerika sendiri yang melancarkan peperangan di kebanyakan negara sekarang," katanya dalam satu pertemuan semalam.

Forum itu akan menjadi landasan pemimpin dunia, terutama aktivis keamanan memulakan inisiatif mengubah pemikiran sejagat mencintai keamanan serta membantah penindasan dan peperangan.

Antara ahli panelnya ialah Perdana Menteri China, Wen Jiabao; bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke; Ahli Parlimen Britain, George Galloway; bekas Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Koordinator Kemanusiaan PBB di Iraq, Hans-Christof Von Sponeck dan penulis, Tariq Ali.

Turut dijadual menyampaikan pandangan mereka pada forum tiga hari itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

Abdullah akan menyampaikan

ucap utama bertajuk 'Islam dan Keamanan' pada majlis makan malam forum itu pada 16 Disember, manakala Najib akan menutup dengan menyampaikan ucapan bertajuk 'Ke Arah Dunia Tanpa Kekejaman' pada 17 Disember.

Dengan menyamakan kempen menyintai alam sekitar sedekad lalu yang berjaya menimbulkan kesedaran global, Dr Mahathir yakin PGPF 2005 boleh menjadi pelopor semangat cintakan keamanan di kalangan warga dunia.

Setakat ini, usaha pertubuhan bukannya kerajaan dan beberapa pihak berkaitan isu alam sekitar banyak menghasilkan kejayaan. Perkara yang sama boleh dilakukan bagi menyampaikan mesej keamanan sejagat.

"Kesan peperangan nyata semakin serius apabila bukti yang diperolehi menunjukkan kira-kira 500,000 kanak-kanak terbunuh di Iraq. Peperangan kini cara untuk menghalalkan kekuasaan dan serangan awal.

"Cara terbaik untuk menghentikannya ialah dengan menentanginya di peringkat global sehingga rakyat menolak pemimpin yang sukakan peperangan melalui peti undi," katanya.

Antara topik yang akan dibincangkan pada forum di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ialah keganasan dan pengajaran akibat peperangan di Iraq dan Afghanistan, selain budaya serangan bunuh diri di kalangan pengganas serta rangka kerja strategik untuk mencapai keamanan.

Topik lain termasuk jenayah perang, globalisasi atas nama memerangi keganasan dan peranan media untuk mengimbangi antara keperluan untuk menyalurkan maklumat kepada umum atau mengelak maklumat sampai kepada pengganas.

Forum itu juga akan memberi ruang untuk peserta menyelami kesan akibat perang dengan menampilkan kanak-kanak Palestin dan Datuk Bandar Jenin.



“Gerakan global ke arah keamanan perlu supaya orang ramai dapat membincangkan dan mengutuk peperangan. Pada pilihan raya misalnya, calon yang tidak mempertahankan keamanan tidak seharusnya disokong”

Dr Mahathir Mohamad
Presiden Yayasan Kepimpinan Perdana

BH - 26/10/2005